

Jika MTUC mahu politik

# Tubuh kesatuan sekerja baru

BH - 5 MAY 1989

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebuah kesatuan sekerja baru yang benar-benar mewakili kepentingan ekerja perlu ditubuhkan jika badan yang ada — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) — dijadikan alat politik golongan tertentu.

Perdana Menteri berkata, jika MTUC menganggapnya sebagai badan politik untuk menentang kerajaan dan bekerjasama dengan parti lawan dan kumpulan tertentu, maka tanggungjawab mereka sebagai wakil pekerja sudah pun tamat.

"Oleh itu, pekerja perlulah menubuhkan sebuah lagi badan untuk mewakili mereka demi memelihara kepentingan pekerja," katanya kepada pemberita di Angkasapuri di sini hari ini.

Beliau mengulas tindakan pemimpin MTUC yang menjadikan sambutan Hari Pekerja 1 Mei lalu sebagai forum politik dengan menjemput beberapa pemimpin parti pembangkang untuk mengecam kerajaan.

Perdana Menteri berkata, jika MTUC dijadikan alat politik oleh orang tertentu, maka ia tidak mungkin berjaya dalam perjuangannya kerana ia pasti bersikap antikerajaan.

"Ini juga menyukarkan kerajaan untuk memberikan kerjasama kepada MTUC sebagai badan mewakili pekerja," katanya.

Beliau berkata, apabila kesatuan sekerja sudah diperalatkan oleh orang politik, maka perlulah ditubuhkan persatuan lain yang benar-benar meletakkan kepentingan mereka sebagai perkara utama perjuangannya.

"Baiklah mereka memikirkan tanggungjawab mereka kepada pekerja sebelum terlewat," katanya.

Beberapa pemimpin parti pembangkang dari DAP, Pas, Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) dan Aliran yang menghadiri perhimpunan itu

Oleh MOHD NOH  
SENAN dan  
JAILANI HARUN

turut mengecam kerajaan ketika berucap.

Pas diwakili oleh Ketua Pemuda, Haji Abu Bakar Chik dan Institut Analisis Sosial (Insan), Dr Nasir Hashim manakala wakil PSRM ialah ahli jawatankuasanya, Encik Osman Din.

Sementara itu, MTUC tidak akan menjadi sebuah badan politik sebagaimana yang dibimbangkan oleh kerajaan, kata Presidennya, Encik Zainal Rampak.

Sambil menyifatkan politik dan kesatuan sekerja tidak boleh dipisahkan, Encik Zainal berkata, MTUC akan kekal menjadi pelindung hak pekerja, dan oleh itu tidak timbul persoalan sebuah kongres yang lain perlu diwujudkan.

Bercakap kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini, Encik Zainal menegaskan MTUC tetap akan memperjuangkan nasib pekerja dan tidak sekali-kali ingin terbabit dalam percaturan politik.

"Kami sentiasa mengamalkan sikap tidak memihak mana-mana parti politik, termasuklah pembangkang.

"Tetapi ini tidak bermakna kami tidak langsung memberi perhatian kepada isu semasa mengenai politik, walaupun kami kadangkala amat kritikal terhadap sesuatu dasar kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Encik Ghafar Baba bahawa MTUC mula berubah menjadi sebuah pertubuhan antikerajaan.